

Headline	Perisian antisabotaj		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	02 Apr 2012	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	324,097
Page No	33	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	274 cm <sup>2</sup>
Journalist	Ahmad Nazri Mohamad	AdValue	RM 10,081
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,243



# Perisian antisabotaj

1Machine Systems cipta Perisai, produk keselamatan Internet berlandaskan digital syariah

**Ahmad Nazri Mohamad**

**1** MACHINE Systems Sdn Bhd (1Machine Systems), syarikat penyedia perkhidmatan keselamatan Internet memperkenalkan perisian pertama berlandaskan digital syariah dengan menyasarkan jualan bernilai RM20 juta menjelang akhir tahun ini.

Pengarah Pemasarannya, Feizal Badli berkata, sistem keselamatan dinamakan 'Perisai' itu adalah hasil pembangunan bersama dengan Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan CyberSecurity Malaysia membabitkan 12 pakar teknologi maklumat (IT).

Beliau berkata, pembangunan sistem keselamatan itu turut mendapat nasihat daripada Jabatan Mufti Selangor bagi memastikan ia dihasilkan berlandaskan digital syariah kerana urusannya melalui proses akad jual beli.

"Kelebihan Perisai ialah sistem keselamatan ini dibangunkan syarikat Islam dan dijamin berbanding pengeluaran sistem keselamatan antarabangsa yang didominasi masyarakat bukan Islam.

"Penggunaan sistem pertahanan Internet antarabangsa boleh mendedahkan kepada risiko ancaman terutama sabotaj dalam perang siber selain risiko pemindahan data tanpa kebenaran ke luar negara," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Beliau berkata, program yang sedang menjalani ujian peringkat akhir turut mendapat sokongan Taman Tek-

nologi Malaysia membabitkan kos awal pembangunannya menelan RM3 juta dan pihaknya sudah membuat pembentangan kepada Kementerian Pertahanan Malaysia serta beberapa pihak lain di dalam negara.

Feizal berkata, beberapa negara Islam di Timur Tengah serta Afrika menunjukkan minat dan pihaknya sedang berusaha mewujudkan rangkaian pengedaran di Uzbekistan, Kazakhstan, Russia dan beberapa negara Arab lain.

"Kami menjangka melancarkan Perisai Uzbekistan pada 10 Mei ini manakala di Turki pada 10 Jun depan. Kami juga akan membuat pelancaran produk ini di Singapura dan Jakarta dalam tempoh terdekat," katanya.



**HASIL TEMPATAN...Feizal (dua kiri) dan CEO Group 1Machine, Abbyamir Sapie (tengah) memegang perisian Perisai.**